

Alasan sakit, takut atau akan jadi gemuk punca rakyat enggan derma darah

Tak ramai derma darah di Kelantan

Oleh ROSLIZA MOHAMED

KOTA BHARU – Kelantan berada pada kedudukan tercorot dari segi bilangan penderma darah di negara ini berbanding negeri-negeri lain seperti Johor dan Pulau Pinang.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, perkara itu adalah berdasarkan data Pusat Darah Negara (PDN) apabila hanya 1.7 peratus atau 17 daripada 1,000 individu yang menderma darah di negeri ini.

Menurutnya, jumlah tersebut amat rendah berbanding di negeri-negeri maju seperti Johor, Pulau Pinang dan Selangor yang mencatatkan seramai 40 hingga 50 orang daripada 1,000 individu yang menderma darah.

“Bagaimanapun, data PDN yang dicatatkan bagi Kelantan itu tidak menyebabkan krisis atau masalah melibatkan tabung darah di negeri ini. JKNK sentiasa menjalankan program menderma darah bagi memastikan beka-



ZAINI (dua dari kanan) berbual dengan penderma darah yang hadir pada Hari Menderma Darah Sedunia Peringkat Negeri Kelantan di ruang legar pusat beli-belah KB Mall, Kota Bharu semalam.

lan mencukupi pada setiap masa.

“Kebanyakan orang awam di Kelantan tidak menderma darah atas beberapa faktor antaranya takut, sakit dan gemuk.

“Kita turut mendapati mereka hanya akan menderma darah apabila berlaku kecemasan melibatkan ahli keluarga mereka,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Hari Menderma Darah Sedunia Peringkat Negeri Kelantan di ruang legar pusat beli-belah KB Mall di sini semalam.

Dalam program itu, dianggarkan seramai 500 individu menderma darah termasuk ahli-ahli badan bukan kerajaan dan lain-lain agensi.

Mengulas lanjut, menurut Zaini, JKNK memerlukan sebanyak 150 hingga 200 beg darah setiap hari untuk kegunaan pesakit di hospital.

Tambah beliau, pihaknya berharap masyarakat di Kelantan membuka mata mengenai perkara itu dan terus menderma darah demi menyelamatkan nyawa pesakit.